

Berhenti kerja jika ingin berniaga — PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kakitangan Kerajaan bahawa mereka mesti berhenti kerja jika ingin berkecimpung di bidang perniagaan sepenuh masa.

"Tidak ada jalan mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan, tapi dalam tempoh yang sama mereka juga berniaga," tegas beliau lagi.

Ketika ditemui selepas pulang dari menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur di Subang lewat petang ini, Perdana Menteri berkata:

"Jika kakitangan Kerajaan membuat keputusan bahawa berniaga itu lebih baik dan menguntungkan, lebih baik mereka berhenti saja."

Beliau berkata, Kerajaan membenarkan kakitangan Kerajaan melaburkan modal setakat \$10,000 saja di syarikat yang besar-besar untuk membeli saham.

"Tapi mereka tidak harus ada kepentingan seperti mengendalikan perniagaan syarikat itu," tegasnya.

Menurut Datuk Seri

Dr. Mahathir, kakitangan Kerajaan mungkin memahami peraturan ini. "Cuma orang ramai saja yang agak keliru sedikit," tambahnya lagi.

Perdana Menteri juga menyentuh kemelesetan ekonomi dunia yang turut menjejaskan negara ini.

Kemelesetan itu, katanya, sebenarnya buatan manusia sendiri, bukan suatu mala petaka yang menimpa dunia. "Antara puncanya ialah dasar 'duit mahal' yang menyebabkan faedah pinjaman melambung tinggi," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan,

jika kadar faedah sesuatu pinjaman terlalu tinggi, ia menjejaskan peniaga-peniaga di seluruh dunia.

"Mereka mungkin tidak sanggup membuat pinjaman baru. Ini menyebabkan mereka tidak dapat membeli bahan mentah, misalnya getah, bijih timah dan minyak sawit dari Malaysia," katanya.

"Disebabkan dasar 'duit mahal' itu adalah ciptaan manusia sendiri, adalah wajar jika manusia sendiri yang mengubah dasar tersebut ke arah memulihkan ekonomi dunia," tegasnya.